

MEDOVIR CREAM

Acyclovir (5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Medovir
2. Bagaimana Medovir berfungsi
3. Sebelum menggunakan Medovir
4. Cara menggunakan Medovir
5. Semasa menggunakan Medovir
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Medovir
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Medovir

Krim Medovir digunakan untuk merawat cold sores, herpes genital dan jangkitan yang disebabkan oleh virus herpes yang mejangkit kawasan kulit. Krim boleh digunakan untuk rawatan herpes awal dan berulang. Ia tidak boleh digunakan pada mata.

Bagaimana Medovir berfungsi

Medovir adalah agen antivirus. Ia merawat jangkitan yang disebabkan oleh virus herpes dengan menghalang pembiakan virus tersebut.

Sebelum menggunakan Medovir

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Medovir:

- jika anda mempunyai alahan terhadap aciclovir, valaciclovir atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut produk).

-Sebelum menggunakan Medovir

- Krim Medovir tidak disyorkan untuk digunakan pada membran mukosa seperti di dalam mulut, mata atau faraj, kerana ia boleh merengsa.

Kehamilan dan Penyusuan

Sekiranya anda mengandung, menyusu atau anda rasa anda mungkin mengandung atau merancang untuk hamil, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan krim ini. Acyclovir telah dikesan dalam susu ibu.

-Jika mengambil ubat-ubat lain Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil probenecid (untuk merawat gout atau acid urik yang tinggi)

Cara menggunakan Medovir

-Berapa banyak harus digunakan

Sapu pada kawasan yang terjejas.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Sapu krim 5 kali sehari, setiap 3-4 jam, tanpa menggunakannya pada waktu malam.

-Berapa lama perlu digunakan

Ia harus digunakan secara berterusan selama lima hari. Jika jangkitan masih tidak sembuh sepenuhnya, rawatan boleh diteruskan untuk 5 hari lagi. Ia adalah lebih baik untuk menyapu krim Medovir pada peringkat awal jangkitan.

-Jika terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja tertelan krim ini, sila hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Medovir

-Perkara yang perlu dilakukan

Cuci tangan sebelum dan selepas menggunakan krim ini. Sentiasa tutup tiub dengan ketat.

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Medovir.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan telan krim ini. Jangan carikan krim atau campurkan dengan persediaan yang lain.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi krim Medovir kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jangan sentuh mata anda sehingga anda telah membasuh tangan anda selepas menggunakan krim tersebut.
- Bersihkan mata dengan air suam sekiranya krim terkena mata. Sila rujuk doktor jika anda rasa risau.

Memandu dan mengendalikan mesin

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana krim medovir mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan yang lain, semasa rawatan dengan Medovir anda mungkin mengalami beberapa kesan sampingan, namun bukan semua akan mendapat ia. Kesan sampingan adalah seperti:

- Sangat jarang: reaksi alahan yang segera termasuk kulit bengkak
- Tidak biasa berlaku: kulit kering atau mengelupas, kulit gatal dan rasa seperti terbakar atau sengat untuk seketika apabila menyapu krim
- Jarang: kulit merah, radang dan rasa gatal selepas menyapu krim

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my

MEDOVIR CREAM

Acyclovir (5% w/w)

[(Consumers → Reporting Side
Effects to Medicines (ConSERF) or
Vaccines (AEFI)]

Tarikh kemas kini RiMUP
16/01/2025

Nombor Siri
NPRA(R4/1)160621/00047

Cara penyimpanan dan pelupusan MEDOVIR

-Penyimpanan

- Medovir harus disimpan di tempat yang kering, jauh dari cahaya dan pada suhu di bawah 30°C dalam bungkusan asal. Jangan simpan dalam peti sejuk.
- Jauhi daripada kanak-kanak
- Jangana sapu ubat ini selepas tarikh luput atau jika penutup muncung tiub telah rosak atau tiub telah bocor.

-Pelupusan

Baki krim tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi apa yang perlu dilakukan dengan baki ubat yang tidak diperlukan lagi. Ini akan bantu melindungi alam sekitar

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Krim Medovir berwarna putih, lembut, sekata, licin dan tidak berbau untuk penggunaan kulit.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Setiap tiub krim 5g atau 10g mengandungi acyclovir 5% w/w
- Bahan tidak aktif
Cetostearyl alcohol, white soft paraffin, liquid paraffin, simethocine, triethanolamine, glycerol, propylene glycol, poloxamer 407, carbopol 5984 dan air.

-Nombor MAL

MAL19973628AZ

Pengilang

Medochemie Ltd. (Cogols Facility),
1-10, Konstantinoupoleos Street, 3011
Limassol, Cyprus

Pemegang Pendaftaran Produk

Komedic Sdn Bhd, 4 Jalan PJS 11/14,
Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya